

KESAN TEKNIK SIMULASI BERLAKON BERSKRIP TERHADAP MINAT DAN PENCAPAIAN MURID TAHUN LIMA DALAM TOPIK PERGERAKAN BUMI

Nurhayati binti Ishak

IPG Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak

yatie_capricon601@yahoo.com

En Yahya bin Sedik

Jabatan Sains IPG Kampus Batu Lintang, Kuching, Sarawak

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini adalah bertujuan untuk melihat bagaimana Teknik Simulasi Berlakon Berskrip dapat meningkatkan minat dan pencapaian murid dalam pembelajaran Sains di samping untuk menambah baik amalan pedagogi pengkaji sendiri. Dalam penyelidikan tindakan ini, pengkaji telah membuat penambahbaikan terhadap teknik simulasi asal yang dilihat mempunyai kelemahan dan kurang berkesan dalam menarik minat dan memberi kefahaman konsep kepada murid seperti menyediakan teks skrip "Aku Planet Bumi" dan mengadakan persembahan simulasi berbentuk lakonan. Penyelidikan tindakan ini dijalankan di sebuah sekolah di Kuching, Sarawak. Ia melibatkan pengkaji sendiri selaku penyelidik serta empat orang murid sebagai peserta kajian yang terdiri daripada dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan. Model Kemmis dan McTaggart (1988) digunakan sebagai panduan atas kajian. Kajian ini menggunakan instrumen temu bual, catatan nota lapangan, lembaran aktiviti sebelum dan selepas dan borang senarai semak tingkah laku murid untuk mengumpul data. Data yang diperoleh daripada temu bual dan catatan nota lapangan dianalisis secara kualitatif manakala data yang dikumpul melalui borang senarai semak tingkah laku dan lembaran aktiviti sebelum dan selepas dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif. Analisis data temu bual berkaitan minat terhadap pembelajaran mendapat 75% murid memilih teknik simulasi berlakon berskrip lebih mereka suka atas alasan teknik tersebut menyeronokkan manakala 25% murid memilih kedua-dua teknik pembelajaran adalah disukai atas alasan yang sama. Dari aspek pencapaian pula, terdapat peningkatan pencapaian yang paling baik sehingga 62.50% melalui analisis lembaran aktiviti selepas menggunakan teknik simulasi berlakon berskrip ini. Secara keseluruhannya, dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian dan minat murid untuk melibatkan diri dalam sesi PdPc menggunakan teknik simulasi berlakon berskrip ini. Penyelidikan tindakan ini secara tidak langsung menggalakkan pengkaji membuat pemikiran reflektif dalam mengatasi kelemahan-kelemahan yang berlaku dalam sesi PdPc yang telah dijalankan seterusnya mengambil tindakan susulan pada kitaran berikutnya. Terdapat beberapa cadangan tindakan susulan dicadangkan oleh pengkaji termasuklah menjalankan aktiviti simulasi berlakon berskrip secara berpasangan untuk menjimatkan masa serta memupuk kerjasama dalam kalangan murid.

Kata kunci: teknik simulasi berlakon, minat, pencapaian

ABSTRACT

The action research was conducted to indicate how "The Simulation Technique of Scripted Acting" can improve pupils' achievement and interest in learning Science as well as to improve pedagogical skills for researcher herself. In this research, the researcher has made improvements to the previous simulation technique applied that was less effective in attracting pupils' interest and understanding the Science concept by providing script text "I am Planet of Earth" and ask them to present the simulations by acting. This action research is carried out in a school in Kuching, Sarawak. It involve researcher herself and four pupils as participants consisting of two male and two female pupils. Kemmis and McTaggart Model (1988) was used as guide this research. The research study used four types of instruments including interviews, field notes, worksheet before and after the activity and pupils' behavior checklist to collect data. The data obtained from interviews and field notes were analyzed qualitatively while the data collected through the pupils' behavior checklist and worksheet before and after the activity were analyzed using quantitatively. Analysis of interview data found 75% of pupils prefer that they are enjoy study using 'The Simulation Technique of Scripted Acting' while 25% of pupils prefer both learning techniques for the same reason. In terms of achievements, through the analysis of activity sheet, there were increases up to 62.50% in after using 'Act Simulation Technique with Script'. Overall, the findings obtained from the instrument used in this study shows that there is an increase in students' achievement and interest to involve in teaching and learning using 'The Simulation Technique of Scripted Acting'. Research actions also indirectly encourage researcher to make a reflective thinking to overcome the weaknesses that occur, hence make a follow up action on the next cycle. There are several recommended follow-up actions proposed by the researcher's by conducting The Simulation Technique of Scripted Acting in pairs to save time and to encourage collaboration among pupils.

Keyword: act simulation technique, interest, achievement

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) pengkhususan Sains. Saya telah menjalankan penyelidikan tindakan semasa menjalankan praktikum fasa tiga di sebuah sekolah di daerah Kuching. Sekolah tersebut mengamalkan budaya *streaming class* di mana murid yang diamanahkan kepada saya untuk mengajar sepanjang praktikum tersebut iaitu Tahun 5 Perdana adalah terdiri daripada murid lemah dan mempunyai pelbagai masalah pembelajaran.

Semasa mengajar subtajuk Pergerakan Bumi, saya telah menggunakan teknik simulasi dan tayangan video untuk menerangkan konsep kepada murid. Konsep dalam topik ini agak ringkas namun sukar untuk disampaikan kepada murid kerana fenomena putaran dan Pergerakan Bumi ini di luar jangkauan mata kasar manusia dalam kehidupan seharian. Penggunaan teknik simulasi adalah disarankan dalam Buku Teks Sains Tahun 5 sebagai satu cara untuk membantu murid memahami konsep putaran dan peredaran ini.

Walaupun begitu, saya mendapati kebanyakan murid tidak mencapai objektif tujuan aktiviti simulasi dijalankan. Antara yang dikenal pasti termasuklah kelemahan dari diri saya sendiri selaku fasilitator dalam mengendalikan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) menggunakan teknik simulasi yang dijalankan. Kekeliruan masih berlaku dalam kalangan murid dalam menentukan arah putaran dan peredaran di samping mereka tidak mendapat maklumat secara langsung berkenaan tempoh masa putaran dan peredaran tersebut. Selain itu, didapati hanya sebahagian murid sahaja yang melibatkan diri secara aktif serta memberi tumpuan semasa pelaksanaan aktiviti simulasi dijalankan. Situasi ini jelas menunjukkan murid tidak berminat untuk belajar. Kesannya, murid tidak dapat memberi jawapan yang tepat apabila guru bertanya soalan tentang konsep yang dipelajari.

Tinjauan awal menggunakan instrumen rekod pencapaian murid, lembaran aktiviti, nota lapangan dan senarai semak tingkah laku murid dijalankan untuk mengenal pasti masalah murid. Hasil analisis mendapati keempat-empat orang murid tidak lulus dalam ujian yang diduduki sepanjang tahun 2016. Jadual 1 menunjukkan analisis keputusan keempat-empat peserta kajian sepanjang tahun 2016.

Jadual 1

Analisis Keputusan Ujian Peserta Kajian Sepanjang Tahun 2016.

Nama	Markah ujian (%)			Min markah ujian (%)	Pencapaian
	Ujian Diagnostik	Ujian Progresif 1	Ujian Pertengahan Tahun		
Murid A	18	38	33	29.67	Tidak lulus
Murid B	19	10	15	14.67	Tidak lulus
Murid C	21	35	36	30.67	Tidak lulus
Murid D	21	15	18	18.00	Tidak lulus

Seterusnya, jadual di bawah merupakan dapatan analisis lembaran aktiviti. Hanya seorang murid sahaja yang berjaya memperoleh markah lebih 50%, selebihnya memperoleh markah di bawah 40%. Rujuk Lampiran A untuk lembaran aktiviti murid.

Jadual 2

Analisis markah yang diperoleh murid pada lembaran aktiviti selepas menjalankan aktiviti simulasi.

Peserta kajian	Markah yang diperoleh	Peratus (%)	Gred
Murid A	4/8	50.00	B
Murid B	2/8	25.00	E
Murid C	1/8	12.50	E
Murid D	3/8	37.50	E

Di samping itu, daripada analisis catatan nota lapangan bertarikh 25 Ogos 2016 mendapatkan terdapat murid yang keliru dan teragak-agak untuk menjalankan simulasi. Hal ini menunjukkan murid tidak memahami konsep sains yang cuba disampaikan oleh guru.

Apabila saya meminta murid secara sukarela ke hadapan kelas untuk melakukan simulasi, Murid A, Murid B dan Murid C merupakan antara murid yang berebut-rebut untuk menjalankannya. Arahan saya meminta mereka membaca teks secara senyap terlebih dahulu untuk memahami situasi sebelum menjalankan simulasi tidak diendahkan. Mereka terus bangun meluru ke hadapan untuk menjalankan simulasi. Saya dapat perhatikan mereka boleh melakukan pergerakan namun tidak tepat. Mereka berputar dan beredara sesuka hati mereka. Murid A berputar dengan laju dan terus menjerit "pening cikgu". Murid B pula berputar seperti menari. Dari sudut arah putaran dan peredaran, kelihatan mereka masih keliru untuk berputar dan beredara melawan arah jam. Dari riak wajah Murid B dan Murid C, mereka teragak-agak untuk menentukan arah putaran dan peredaran.

Murid tidak faham kandungan PdP

Rajah 1. Catatan nota lapangan sebelum intervensi

Selain itu, pemerhatian berstruktur menggunakan borang senarai semak tingkah laku murid juga dijalankan untuk memerhati tingkah laku murid yang merujuk kepada minat dan pencapaian selepas sesi PdP dijalankan. Analisis pemerhatian mendapatkan lebih 50% orang murid melakukan tingkah laku tidak berminat untuk melibatkan diri dalam PdP Sains. Dapatan juga menunjukkan 100% murid tidak dapat mengingat dan menjawab soalan berkaitan konsep putaran dengan baik. Rujuk Lampiran B untuk borang senarai semak tingkah laku murid.

Jadual 3

Analisis senarai semak tingkah laku peserta kajian sepanjang PdP menggunakan teknik simulasi.

Bil	Aspek pemerhatian	Bilangan dan peratusan murid		Bilangan dan peratusan murid	
		Ya	%	Tidak	%
1.	Mengganggu rakan / berbual dengan rakan	3	75	1	25
2	Melihat luar	1	25	3	75
3	Mencuba menjawab soalan	1	25	3	75
4	Bermain	1	25	3	75
5	Menconteng / membuat kerja lain	2	50	2	50
6	Melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti	2	50	2	50
7	Termenung, senyum, berangan	1	25	3	75
8	Dapat mengingati konsep putaran dan peredaran bumi dengan baik	0	0	4	100
9	Gagal menjawab soalan dengan tepat	4	100	0	0

Minat

Pencapaian

Secara keseluruhannya, tinjauan awal mununjukkan murid tidak berminat untuk mengikuti proses PdPc seterusnya menyebabkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Sains berada pada tahap yang rendah.

FOKUS KAJIAN

Justeru itu, refleksi dibuat untuk mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaan teknik simulasi ini. Saya memfokuskan kajian saya pada isu minat dan pencapaian kerana saya percaya minat memberi pengaruh positif terhadap kesediaan murid untuk belajar seterusnya mempengaruhi pencapaianannya. Kamus Dewan Bahasa (2007) mendefinisikan minat adalah keinginan kepada sesuatu. Murid yang mempunyai minat yang tinggi akan sentiasa berusaha dan rajin meningkatkan diri (Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu, 2014).

Shahabuddin et al. (2003) dalam Ishak Baba (2009) mengatakan pencapaian akademik merujuk kepada suatu tahap pengukuran terhadap pencapaian yang telah dicapai sepanjang pembelajaran pelajar. Kajian Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim & Roslina Abd Talib (2011) yang mendapati pembolehubah-pembolehubah yang dikaji iaitu minat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Pelajar akan memperoleh pencapaian yang lebih memberangsangkan sekiranya minat terhadap pdp Sains dapat diwujudkan.

Saya percaya teknik simulasi berlakon berupaya untuk meningkatkan minat murid untuk terlibat semasa PdPc seterusnya membantu meningkatkan pencapaian murid dalam topik Pergerakan Bumi. Hal ini kerana penggunaan teknik simulasi dalam sesi PdPc memberi peluang kepada murid menggunakan pelbagai deria bagi membentuk pemahaman dan ingatan terhadap satu-satu konsep. Confucius (551 SM – 472 SM) dalam Andayani (2015) ada mengatakan; “Apa yang saya dengar, saya lupa. Apa yang saya lihat, saya ingat. Apa yang saya lakukan saya faham”.

Penambahbaikan skrip lakonan, prop, tempoh masa berlatih dan ganjaran persembahan terbaik semasa melaksanakan sesi PdPc menggunakan teknik simulasi berlakon berskrip ini dipercayai berupaya untuk menarik minat dan perhatian mereka untuk terlibat secara langsung sepanjang PdPc seterusnya membantu meningkatkan pencapaian dalam subtajuk Pergerakan Bumi

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

- Meningkatkan minat murid untuk terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran sains dalam topik Pergerakan Bumi melalui teknik simulasi berlakon berskrip.
- Mengetahui sama ada pelaksanaan teknik simulasi berlakon berskrip dapat meningkatkan pencapaian murid dalam topik Pergerakan Bumi.

Soalan kajian

Kajian ini dijalankan untuk membantu menjawab soalan-soalan berikut:

- Bagaimanakah penggunaan teknik simulasi berlakon berskrip dapat menarik minat murid untuk melibatkan diri sepanjang pengajaran dan pembelajaran Sains?
- Bagaimanakah teknik simulasi berlakon berskrip dapat meningkatkan pencapaian empat orang murid dalam topik Pergerakan Bumi?

PESERTA KAJIAN

Kajian penyelidikan tindakan ini adalah bersifat penglibatan iaitu pengkaji terlibat secara langsung ke arah memperbaiki amalan mereka sendiri. Kajian penyelidikan tindakan yang dilakukan melalui kitaran refleksi kendiri. Selain itu, empat orang murid

yang dipilih secara rawak daripada kelas Tahun 5 Perdana yang terdiri daripada dua orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan terlibat sebagai peserta kajian. Keempat-empat peserta kajian yang dipilih iaitu Murid A, Murid B, Murid C dan Murid D tidak lulus dalam ujian sepanjang tahun 2016. Murid A, Murid B dan Murid C mempunyai ciri tingkah laku tidak dapat memberi perhatian semasa guru mengajar manakala Murid D pula mempunyai tingkah laku yang pasif.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) menghuraikan simulasi sebagai aktiviti yang dijalankan menyerupai yang sebenarnya. Saya telah penambahbaikan teknik simulasi asal kepada teknik simulasi berlakon berskrip untuk meningkatkan minat dan pencapaian murid dalam konsep Pergerakan Bumi. Teknik simulasi berlakon berskrip ini sedikit berbeza daripada teknik simulasi biasa di mana murid disediakan skrip lakonan untuk melakonkan watak Bumi. Terdapat dua fasa dalam pelaksanaan teknik berlakon berskrip ini. Fasa pertama ialah fasa persediaan di mana murid dikehendaki memahami skrip yang diberi seterusnya memikirkan pergerakan yang betul yang harus ditunjukkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Fasa kedua ialah fasa persembahan di mana murid dikehendaki mempersembahkan lakonan di hadapan kelas dengan gaya pergerakan putaran dan peredaran yang betul.

Teknik mengumpul data

Jadual 4

Cara mengumpul dan menganalisis data

Cara mengumpul data	Cara menganalisis data
Temu bual	Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data temu bual yang diperoleh. Saya memberi tumpuan kepada maklumat penting dalam transkrip temu bual. Kemudian, maklumat penting dikategorikan bagi membentuk tema untuk menjawab soalan kajian
Nota lapangan	Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis catatan nota lapangan yang disediakan. Data penting diasingkan kepada kategori minat dan pencapaian. Kesimpulan dibuat berdasarkan hasil analisis tersebut.
Borang senarai semak tingkah laku murid	Analisis peratusan digunakan untuk melihat perbezaan antara pencapaian dan minat murid sebelum dan selepas teknik simulasi berlakon berskrip digunakan. Kemudian, saya mengintrepetasikan data tersebut dalam bentuk jadual.
Lembaran aktiviti	Data daripada lembaran kerja murid sebelum dan selepas intervensi dianalisis secara peratusan. Hasil analisis

lembaran kerja akan dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi melihat perbezaan pencapaian murid terhadap konsep peredaran bumi sebelum dan selepas menjalankan teknik simulasi berlakon berskrip.

Teknik Menyemak Data

Data yang dipungut perlu mempunyai kredibiliti. Satu daripada kaedah yang boleh diguna pakai untuk meningkatkan kebolehpercayaan data yang diperoleh ialah triangulasi. Saya menggunakan triangulasi kaedah, triangulasi masa dan triangulasi sumber untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul. Dalam hal ini penggunaan kaedah temu bual dan analisis nota lapangan merupakan dua kaedah yang berbeza untuk menguji kebolehpercayaan data yang diperoleh berkaitan minat dan pencapaian. Triangulasi masa pula digunakan untuk membanding perubahan tingkah laku murid dan keputusan lembaran kerja murid sebelum dan selepas intervensi. Seterusnya, triangulasi sumber digunakan dengan mendapatkan kerjasama daripada guru pembimbing saya untuk mengesahkan masalah kefahaman murid berdasarkan keputusan ujian sebelum ini. Saya juga meminta beliau mengesahkan lembaran kerja murid yang telah saya semak untuk meningkatkan kesahan data yang diperoleh.

DAPATAN KAJIAN

- Bagaimakah penggunaan teknik simulasi berlakon berskrip dapat menarik minat murid untuk melibatkan diri sepanjang pengajaran dan pembelajaran Sains?

Merujuk kepada perbandingan analisis senarai semak tingkah laku murid sebelum dan selepas tindakan yang telah dibuat, terdapat pengurangan tingkah laku menunjukkan murid tidak berminat untuk terlibat dalam PdPc. Item 1, 2, 4, 5, dan 7 yang merujuk kepada tingkah laku tidak berminat menunjukkan terhadap PdP mendapati terdapat perbezaan sehingga 75% pada Item 1. Hasil daripada pengiraan, tanda negatif yang terdapat jawapan membawa erti kesemua tingkah laku tidak berminat telah berkurang berbanding pada fasa sebelum intervensi. Pada Item 3 dan 7 pula yang menunjukkan tingkah laku berminat menunjukkan minat murid terhadap PdPc menunjukkan terdapat peningkatan 100% pada kedua-dua item tingkah laku murid.

Jadual 5

Perbandingan Peratus Tingkah Laku Sebelum dan Selepas Tindakan bagi Minat Peserta Kajian

Aspek	Kod item	Peratus Kekerapan Tingkah Laku dilakukan , %		Perbezaan, %
		Sebelum	Selepas	
Minat	Item 1	75.00	0.00	-75.00
	Item 2	25.00	0.00	-25.00
	Item 3	0.00	100.00	100.00
	Item 4	25.00	0.00	-25.00
	Item 5	50.00	0.00	-50.00
	Item 6	75.00	75.00	0.00
	Item 7	25.00	0.00	-25.00

Selain itu, analisis catatan lapangan mendapati peserta kajian menunjukkan minat untuk terlibat dengan sesi PdPc yang menggunakan teknik simulasi berlakon berskrip ini. Tiga orang murid terlibat secara langsung dalam persembahan simulasi berlakon berskrip bertindak terus berdiri untuk berlatih membuktikan peserta kajian sangat berminat dan bersemangat untuk membuat terlibat. Mereka berulang-ulang kali berlatih serta membuat pertanyaan kepada guru untuk memastikan pergerakannya juga menunjukkan peserta kajian sangat berminat melibatkan diri dalam proses PdPc menggunakan teknik simulasi berlakon berskrip ini. Murid yang tidak secara sukarela untuk mempersembahkan lakonannya pula tidak melakukan kerja lain dan menunjukkan riak suka memerhatikan rakan-rakan lain berlatih merupakan tingkah laku yang menunjukkan peningkatan minat.

Instrumen temu bual juga digunakan untuk mengenal pasti tahap minat murid untuk terlibat dalam PdPc dalam topik Pergerakan Bumi ini. Analisis temu bual mendapati tiga murid memilih teknik simulasi berlakon berskrip lebih mereka sukai atas alasan teknik tersebut menyeronokkan manakala seorang murid memilih kedua-dua teknik pembelajaran adalah disukai atas alasan yang sama. Jadual 6 menunjukkan analisis transkrip temu bual yang dijalankan selepas tindakan berdasarkan tema minat.

Jadual 6

Analisis transkrip temu bual yang dijalankan selepas tindakan berdasarkan tema minat.

Soalan	Nama murid	Jawapan
1. Kita telah belajar topik putaran dan peredaran bumi ini sebanyak dua kali. Antara simulasi tanpa lakonan dengan simulasi lakonan berskrip, teknik belajar yang mana yang kamu lebih suka?	Murid A	Yang berlakon
	Murid B	Yang berlakon
	Murid C	Kedua-dua tanpa lakonan dan berlakon
	Murid D	Berlakon
2. Mengapa kamu mengatakan lebih suka belajar dengan menggunakan teknik tersebut?	Murid A	Menyeronokkan
	Murid B	Seronok
	Murid C	Best
	Murid D	Best

Oleh itu, melalui tiga instrumen ini, maka jelaslah bahawa teknik simulasi berlakon berskrip ini dapat meningkatkan minat murid untuk terlibat dalam PdPc Sains khususnya dalam topik Pergerakan Bumi.

- Bagaimakah teknik simulasi berlakon berskrip dapat meningkatkan pencapaian empat orang murid dalam topik Pergerakan Bumi?


Terdapat dua aspek yang diperhatikan dalam borang senarai semak tingkah laku yang menjadi kayu ukur kepada pencapaian murid. Item 8 merujuk kepada kenyataan menguji kefahaman murid dalam topik yang dipelajari menunjukkan 100% peningkatan manakala bagi Item 9 pula merujuk kepada tindakan mendiamkan diri apabila bertanya menunjukkan 100% tiada lagi tindakan tersebut dilakukan lagi selepas guru menggunakan teknik simulasi berlakon berskrip dalam topik Pergerakan Bumi ini. Jadual 7 menunjukkan perbandingan peratus tingkah laku sebelum dan selepas tindakan bagi minat dan pencapaian peserta kajian.

Jadual 7

Perbandingan Peratus Tingkah Laku Sebelum dan Selepas Tindakan bagi Minat dan Pencapaian Peserta Kajian

Kod item	Peratus Kekerapan Tingkah Laku dilakukan , %		Perbezaan, %
	Sebelum	Selepas	
Item 8	0.00	100.00	100.00
Item 9	100.00	0.00	100.00

Selain itu, analisis nota lapangan mendapati dua daripada tiga orang murid dapat mempersempahkan lakonan dengan baik dan penuh keyakinan. Dalam hal ini, seorang murid yang merupakan seorang murid perempuan dilihat seperti malu dan kurang yakin untuk mempersempahkan lakonan kerana sekeliling kawasan lakonan dikelilingi oleh murid lelaki yang sememangnya mendominasi kelas tersebut. Dalam masa yang sama, terdapat seorang murid yang tidak terlibat secara langsung dalam simulasi berlakon yang dijalankan, namun beliau berupaya mengenal pasti dan membentulkan pergerakan murid lain yang melakukan kesilapan. Dua situasi yang dinyatakan jelas menunjukkan bahawa teknik simulasi berlakon berskrip ini memberi kesan positif terhadap pencapaian murid dalam topik Pergerakan Bumi meskipun tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti simulasi tersebut.



Rajah 4. Perbandingan Peratusan Lembaran Kerja Sebelum dan Selepas Tindakan

Graf pada Rajah 4 menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian murid selepas menjalankan PdPc menggunakan teknik simulasi berlakon berskrip. Murid C mencatatkan peningkatan pencapaian yang paling baik iaitu sebanyak 62.50% selepas tindakan dijalankan. Murid A, Murid B dan Murid D masing-masing mencatat peningkatan pencapaian sebanyak 12.50%, 37.50% dan 12.50%. Secara keseluruhannya, markah lembaran kerja 2 yang lebih tinggi diperolehi oleh semua murid membuktikan bahawa teknik berlakon berskrip memberi kesan positif terhadap pencapaian murid dalam topik Pergerakan Bumi.

REFLEKSI

Umumnya, sebelum pelaksanaan kajian tindakan ini dijalankan, saya sempat menemu bual murid untuk mengenal pasti minat mereka terhadap mata pelajaran

sains. Dapatan temu bual mendapati hampir kesemua murid kelas tersebut yang ditemu bual secara rawak menyatakan mereka berminat terhadap mata pelajaran sains. Murid A memberi alasan minat terhadap sains untuk mengaplikasi pengetahuan sains dalam kehidupan seharian. Murid C pula memberi alasan untuk menjadi ahli forensik. Namun begitu, Murid A hanya mendiamkan diri apabila ditanya sebab prestasi sains pada tahap rendah. Murid C memberi alasan sains itu susah menyebabkan prestasi sains pada tahap rendah. Temu bual juga dijalankan bersama guru mata pelajaran sains kelas tersebut mendapati kedua-dua orang Murid A dan Murid C adalah dalam kategori pandai dalam kelas tersebut namun seringkali tidak hadir ke sekolah dan suka melakukan aktiviti lain apabila diarahkan untuk menyiapkan latihan. Pengalaman saya mengajar kelas tersebut juga hasil temu bual guru-guru lain yang mengajar kelas tersebut mengesahkan situasi tersebut. Murid-murid kelas ini mempunyai kesedaran kepentingan mata pelajaran sains namun kurang motivasi ke arah mencapainya menyebabkan pencapaian akademik mereka berada pada tahap lemah. Hal ini disokong dengan hasil daripada kajian Uk Raai Chen, Alias Masek & Mohd Hasril Amiruddin (2014) mendapati bahawa keseluruhan sampel yang terlibat mempunyai tahap motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik yang tinggi dalam mendorong mereka untuk belajar. Oleh itu, kaedah pengajaran yang cenderung ke arah meningkatkan motivasi dan minat murid perlu dilaksanakan dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian akademik kelas ini.

Teknik simulasi berlakon berskrip bukanlah suatu perkara baharu. Kajian-kajian lepas banyak telah membuktikan penggunaan teknik ini membantu untuk meningkatkan minat dan pencapaian murid terutamanya dalam mata pelajaran bahasa. Penambahan skrip adalah supaya murid tidak tersasar daripada tujuan utama simulasi lakonan dijalankan selain memberi peluang kepada murid untuk menggunakan keseluruhan pancaindera semasa membina kefahaman. Menurut Abdul Samad Hanif, Mohamed Nor Azhari Azman, Hendri Pratama, Nurul Nazirah Mohd Imam Ma'arof (2016) dalam kajian mereka juga menyokong bahawa pembelajaran dengan pengalaman langsung seperti lakonan, lawatan, projek, pameran, bahan maujud dan sebagainya yang dapat melibatkan beberapa pancaindera secara bersamaan dalam satu masa yang sama. Hal ini demikian kerana menurutnya juga kadar peratusan mengingat mengikut aktiviti yang dilakukan menunjukkan aktiviti membaca mempunyai 10% ingatan, mendengar 20% ingatan, melihat 30% ingatan, mendengar dan melihat 50% ingatan, menyebut 80% ingatan, menyebut dan membuat 90% ingatan. Dalam kata lain, teknik simulasi berlakon

berskrip ini dirangka adalah hasil daripada bukti-bukti pada dapatan kajian sebelumnya.

Pelbagai pengetahuan dan pengalaman baharu diperoleh sepanjang pelaksanaan kajian tindakan ini. Dalam hal ini, saya belajar cara yang sistematik ke arah penyelesaian masalah dalam PdPc yang ada. Penyelidikan tindakan ini juga memberi saya peluang untuk meningkatkan cara berfikir ke arah lebih optimis dalam mencari alternatif penyelesaian selain dapat menambah baik amalan pedagogi saya dalam bilik darjah.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Kajian penyelidikan yang telah dijalankan memberi peluang kepada guru dan murid - murid untuk menambah baik kualiti proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian yang telah dilakukan menunjukkan penggunaan teknik similasi berlakon berskrip dalam topik Pergerakan Bumi memberi kesan yang lebih baik dalam aspek minat dan pencapaian murid Tahun 5 Perdana. Walau bagaimanapun, penambahbaikan boleh dilakukan agar dapat memberi kesan yang lebih baik kepada murid.

Disebabkan masalah kekangan masa, maka kitaran kedua dalam menambah baik kelemahan yang ada tidak dapat dijalankan. Pada kitaran kedua, saya boleh membuat penambahbaikan teknik pengajaran dengan memberi peluang kepada murid untuk bekerjasama menjalankan simulasi berlakon berskrip secara berpasangan. Rasionalnya adalah untuk menjimatkan masa bagi memberi peluang kepada semua murid untuk terlibat sama dalam aktiviti simulasi berlakon berskrip. Dalam hal ini, dua peranan berbeza dicadangkan iaitu peranan sebagai bumi yang melakukan aksi pergerakan dan peranan sebagai narrator yang menceritakan watak bumi. Kerja berpasangan ini secara tidak langsung dapat mewujudkan nilai kerjasama secara tidak langsung selain memberi peluang kepada murid agar lebih kreatif dalam menyampaikan persembahan. Hal ini disokong oleh Zalika Adam & Faridah Kassim (2008) yang memberi penekanan bahawa maklumat dan idea lebih banyak apabila bekerja berkumpulan, mempunyai daya kreatif yang lebih berbanding daya kreatif perseorangan, pembelajaran lebih berkesan dan terakhir dapat memberikan kepuasan kerana ia membolehkan kepada ahli untuk memenuhi keperluan sosial.

Selain itu, dicadangkan juga agar teknik simulasi berlakon berskrip ini diaplikasikan dalam semua mata pelajaran yang menggunakan kaedah pembelajaran secara

berkumpulan. Dengan penggunaan teknik ini dapat membantu guru-guru untuk meningkatkan tahap pembelajaran di samping kemahiran komunikasi murid-murid di dalam bilik darjah. Menurut Shahabuddin (2007), pembelajaran secara berkumpulan dapat meningkatkan penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan kemahiran berfikir, menambahkan keyakinan diri, menggalakkan murid menghasilkan idea dan memberi pendapat, menggalakkan murid membina ilmu dan mewujudkan suasana kerjasama dalam kalangan murid.

Di samping itu, kajian lanjutan lain yang boleh dilaksanakan adalah dengan melihat perbandingan kesan penggunaan teknik simulasi berlakon berskrip terhadap murid lelaki dan perempuan dalam aspek yang sama. Kajian ini penting untuk mengenal pasti adakah faktor perbezaan jantina mempengaruhi minat murid untuk terlibat dalam aktiviti simulasi berlakon berskrip seterusnya memberi kesan terhadap pencapaian mereka dalam mata pelajaran sains.

RUJUKAN

- Abdul Samad Hanif, Mohamed Nor Azhari Azman, Hendri Pratama & Nurul Nazirah Mohd Imam Ma'arof. (2016). Kit Pemantauan Penyambungan Litar Elektrik : Satu Kajian Efikasi Alat Bantu Mengajar. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 1, Issue 3*, 69-78.
- Andayani (2015). *Problema dalam Aksioma dalam Metodologi Pembelajaran Bahasa Indonesia*. Yogyakarta ; Deepublish.
- Chen, Uk Raai, Alias Masek & Mohd Hasril Amiruddin (2014). Kajian gaya pembelajaran dan motivasi terhadap pencapaian pelajar diploma kejuruteraan di politeknik. In: *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam PLTV (CiE-TVET) 2014*, Mersing, Johor, Malaysia.
- Ishak Baba (2009). *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dan Kaitannya Terhadap Prestasi Akademik Pelajar UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Sains Tahun 5*.
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1).
- Noresah Baharom (2007). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur ; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahabuddin Hashim, Dr.Rohizani Yaakub & Mohd.Zohir Ahmad (2007). *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Zalika Adam & Faridah Kassim. (2008). Kemahiran Kerja Berpasukan : Etika Dalam Pekerjaan dari Perspektif Islam. Retrieved from
http://irep.iium.edu.my/7989/1/KEMAHIRAN_KERJA_BERPASUKAN.pdf

Zulzana Zulkarnain, Mohamed Saim & Roslina Abd Talib (2011). Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus Cc301–Quantity Measurement. Retrieved from
http://www.academia.edu/7322625/HUBUNGAN_ANTARA_MINAT_SIKAP_DENGAN_PENCAPAIAN_PELAJAR_DALAM_KURSUS_CC301_QUANTITY_MEASUREMENT